

28 FEB 2002

PENDIRIAN HAKAKAH BUKTI PAS TIDAK BOLEH DIPERCAYAI, KATA MUSTAPA

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Pendirian Harakah mempertahankan kandungan lidah pengarang akhbar Pas itu mengkritik ulama memberi gambaran bahawa parti itu tidak konsisten dan ini boleh menimbulkan bahaya jika ia memerintah negara ini, kata Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed.

Menurutnya langkah akhbar itu mengkritik ulama bercanggah sekali dengan corak pentadbiran kerajaan Pas di Kelantan yang mengekalkan kepimpinan ulama.

Beliau berkata dalam satu kenyataan di sini hari pendekatan Pas yang tidak konsisten itu pasti menimbulkan bahaya dan kekeliruan besar jika parti itu memerintah negara.

Mustapa berkata Umno menghormati serta menyokong usaha ulama dan kerajaan sering merujuk kepada mereka mengenai pelbagai isu berkaitan agama dan umat Islam.

Katanya pandangan Ketua Pengarang Harakah, Zulkifli Sulong bahawa ulama bukanlah setaraf nabi atau maksum juga sama dengan pendirian kebanyakan pihak, dan sejajar dengan apa yang selalu disebut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA
SHI AHH MAI